

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional cadangan Kerajaan Perikatan Nasional memberikan dokumen IMM13 yang khas diberikan kepada pelarian perang kepada warga asing yang memegang Kad Burung-Burung dan Kad Banci yang bukan pelarian perang dan kenapa tidak diperluaskan pelaksanaan Program Back for Good (B4G) ke Sabah yang berjaya dilakukan di Semenanjung untuk warga asing tersebut kembali ke negara asal mereka secara sukarela.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan agar IMM13 digunakan untuk menggantikan Kad Burung-Burung dan Sijil Banci yang dipegang oleh pendatang dan orang asing di Sabah sedang diperhalusi secara strategik dan akan diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) bagi memastikan usaha untuk mendokumentasikan golongan berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berhubung isu pemerluasan Program *Back for Good* yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia ke negeri Sabah, ia adalah tertakluk di bawah Seksyen 64 Akta Imigresen 1959/63.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status tuntutan bayaran 20% setahun daripada hasil pengeluaran produk minyak dan gas dari Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu tuntutan bayaran tunai (atau lebih dikenali secara umum sebagai royalti) petroleum untuk negeri Sabah dan Sarawak.
2. Majlis Khas MA63 juga telah ditubuhkan sejak tahun lepas, dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Ketua Menteri Sarawak berserta ahli-ahli mesyuarat yang berkaitan.
3. Majlis Khas ini diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM). BHES, JPM telah mengadakan satu sesi libat urus bersama kementerian dan agensi berkaitan pada 23 Julai 2020 lalu bagi membincangkan hala tuju pelaksanaan dan semakan perkara-perkara di bawah MA1963. Ini

termasuk cadangan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama yang diurusetikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi meneliti perkara-perkara berkaitan minyak dan gas.

4. Walau bagaimanapun, suka saya maklumkan bahawa fokus utama Kerajaan Persekutuan pada masa ini adalah untuk memulihkan semula ekonomi negara terlebih dahulu kesan cabaran ekonomi global dan pandemik COVID-19 sebelum sebarang pertimbangan lain dibuat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[JELEBU]**

**SOALAN NO. 174**

**DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah drastik yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani kemunculan semula **penyakit polio** di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Malaysia telah diisytiharkan bebas polio pada Oktober 2000, dengan kes terakhir berlaku pada tahun 1992. Malangnya, setelah 27 tahun Malaysia bebas polio, pada 6 Disember 2019, seorang kanak-kanak berumur 3 bulan, warganegara Malaysia di Tuaran Sabah telah disahkan polio. Susulan daripada kes tersebut, Malaysia telah dikategorikan sebagai negara dengan jangkitan polio (*polio-affected country*) melalui kenyataan Jawatankuasa Kecemasan International Health Regulations (IHR) Berkaitan Penularan Antarabangsa Virus Polio hasil Mesyuarat Kali Ke 23 (*Statement of the 23rd International Health Regulation (IHR) Emergency Committee Regarding the International Spread of Poliovirus*) bertarikh 20 Disember 2019.

2. Lanjutan daripada kes pertama tersebut, tiga (3) kes lagi telah disahkan polio di Sabah menjadikan jumlah keseluruhan empat (4) kes dengan kes terakhir dilaporkan pada 5 Mac 2020. Kesemua kes tambahan tersebut adalah bukan warganegara berumur antara 3 hingga 11 tahun. Virus polio yang dikesan mempunyai kaitan genetik

## SOALAN NO. 174

dengan kes di Filipina yang telah diisytiharkan mengalami wabak polio semenjak September 2019.

3. Selain daripada itu, 24 sampel air kumbahan yang diambil daripada lapan (8) daerah di Sabah juga didapati positif virus polio. Kehadiran virus polio tersebut menunjukkan terdapat pembawa yang mengkumuh virus polio ke persekitaran di lokaliti berkaitan. Satu (1) sampel air kumbahan yang diambil di Wilayah Persekutuan Labuan juga telah disahkan positif virus polio yang mempunyai perkaitan genetik dengan kes di Filipina. Ini bermakna, langkah kawalan wabak polio juga perlu diperluaskan ke WP Labuan untuk memutuskan rantaian jangkitan dan mencegah jangkitan di kalangan penduduk.

4. Langkah drastik diambil dengan melaksanakan pemberian vaksin polio iaitu *oral polio vaccine* (OPV) yang diberikan secara titisan ke mulut kepada semua kanak-kanak berumur di bawah 13 tahun di Sabah dan WP Labuan tanpa mengira kewarganegaraan. Bagi negeri Sabah yang dikesan dua (2) jenis virus polio, dua (2) jenis vaksin iaitu *bivalent OPV type 1 dan type 3* (bOPV) dan *monovalent OPV type 2* (mOPV2) digunakan manakala di WP Labuan yang dikesan satu jenis virus, memerlukan hanya vaksin bOPV. Pemberian vaksin tambahan ini adalah bagi menghentikan penularan virus polio seterusnya jangkitan kepada masyarakat.

5. Kempen imunisasi polio dengan menggunakan vaksin polio oral di Sabah telah dimulakan semenjak 27 Disember 2020, melalui pasukan bergerak dan juga di klinik-klinik kerajaan, balai raya, pusat komuniti, pusat perniagaan, premis keagamaan dan lain-lain. Walaubagaimanapun sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pemberian vaksin hanya diberikan di klinik-klinik kerajaan.

6. Kempen ini dipertingkatkan semula selepas PKPB berakhir. Sehingga 1 Julai 2020, seramai 751,864 kanak-kanak berumur bawah 13 tahun telah menerima dos pertama bOPV di Sabah dengan kadar liputan 88%. Daripada jumlah tersebut, 87% telah menerima dos kedua bOPV. Pemberian mOPV2 pula mula dilaksanakan di Sabah

## SOALAN NO. 174

pada 2 Jun 2020 secara berperingkat. Sehingga 1 Julai 2020, seramai 70,686 kanak-kanak berumur bawah 13 tahun telah menerima dos pertama mOPV2 di Sabah dengan kadar liputan 8%. Daripada jumlah tersebut, 54% telah menerima dos kedua mOPV2.

7. Kempen imunisasi polio di WP Labuan telah dimulakan pada 11 Jun 2020. Sehingga 1 Julai 2020, seramai 22,490 kanak-kanak berumur bawah 13 tahun telah menerima dos pertama bOPV di WP Labuan dengan kadar liputan 70%.

8. Pada masa yang sama, pemberian suntikan vaksin kombinasi lima serangkai yang turut mengandungi komponen vaksin polio diteruskan di seluruh negara mengikut jadual yang ditetapkan di bawah Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan.

9. Selain daripada kempen imunisasi polio, pihak KKM juga turut melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) memperkukuhkan surveilan *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) ataupun kes yang mempunyai gejala seperti poliomyelitis. Semua kes AFP disiasat samada ia disebabkan jangkitan polio ataupun sebab lain;
- (ii) Memperluaskan surveilan virus polio dalam persekitaran di Sabah dan seluruh Malaysia; dan
- (iii) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan berkaitan pencegahan dan kawalan penyakit polio khususnya di Sabah dan WP Labuan dan juga di seluruh Malaysia. Pendidikan kesihatan mengenai kepentingan imunisasi juga turut diberi penekanan.

10. Kementerian Kesihatan berharap dengan langkah-langkah kawalan yang dijalankan, wabak polio dapat dikawal seterusnya mengembalikan semula status Malaysia sebagai negara bebas polio.

Sekian, terima kasih.